

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5

Dasar Tenaga Negara 2022-2040 pastikan sektor terus membangun

Dasar Tenaga Negara 2022-2040 pastikan sektor terus membangun

Tingkat daya tahan ekonomi makro, jaminan bekalan antara objektif dasar

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Dasar Tenaga Negara (DTN) 2022-2040 yang dilancarkan semalam, mengambil kira perkembangan serta cabaran dalam dan luaran demi memastikan sektor tenaga Malaysia dapat terus membangun dengan mampan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata visi DTN, iaitu "Kemampuan Tenaga Untuk Mencapai Kemakmuran Bersama" disokong tiga objektif.

Tiga objektif itu adalah meningkatkan daya tahan ekonomi makro dan jaminan bekalan tenaga; mencapai kesaksamaan sosial menerusi mampu bayar tenaga dan memastikan kelestarian alam sekitar.

Katanya, selain terpaksa menanggung subsidi tenaga dijangka RM37.3 bilion bagi petrol, diesel dan gas cecair asli (LPG), pandemik dan ketidakpastian geopolitik dunia serta isu perubahan iklim serius turut memberi kesan kepada harga bahan api.

"Ia juga memerlukan peralihan kepada tenaga yang lebih mampan. Di sebalik keadaan ini, kerajaan terus bersikap prihatin dan memberi jaminan bahawa Keluarga Malaysia akan terus mendapat akses kepada bekalan tenaga yang terjamin pada harga mampu bayar.

"Pada masa sama, satu penye-

lesaian holistik amat diperlukan bagi menjamin bekalan tenaga, kemampunan alam sekitar dan kemakmuran Keluarga Malaysia, selain menggalak daya saing dan inovasi dalam industri serta merencanakan pertumbuhan ekonomi," katanya.

Berucap melancarkan DTN 2022-2040, Ismail Sabri berkata, DTN juga akan memperkemas dan mengharmonikan pelbagai dasar berkaitan tenaga sedia ada bagi memastikan sektor itu terus kalis cabaran pada masa hadapan.

Katanya, tiga objektif yang digariskan bakal mengimbangi trilema tenaga yang sejajar dengan matlamat utama Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan juga Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040 secara holistik dijangka dapat meningkatkan purata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM13 bilion setahun dan mewujudkan lebih 207,000 peluang pekerjaan baharu.

Katanya, aspirasi khusus ditetapkan di bawah DTN 2022-2040 itu dapat membantu mencapai aspirasi Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG) Sifar Bersih 2050 bagi menghadapi trend dalam peralihan tenaga dan menangani cabaran perubahan iklim.

Sembilan sasaran DTN

Beliau berkata, aspirasi itu mengandungi sembilan sasaran terpilih untuk dicapai pada 2040, antaranya perkongsian modal pengangkutan awam bandar sebanyak 50 peratus dan penggunaan kenderaan elektrik (EV) sebanyak 38 peratus.

Selain itu, standard bahan api alternatif kenderaan berat dengan campuran bahan api B30; penggunaan gas asli cecair (LNG) sebagai alternatif untuk pe-



Ismail Sabri melihat model stesen hab elektrik Tenaga Nasional Berhad ketika melawat gerai pameran selepas melancarkan Dasar Tenaga Negara 2022-2040 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

ngangkutan marin sebanyak 25 peratus dan penjimatan kecekapan tenaga oleh industri dan komersial sebanyak 11 peratus serta kediaman sebanyak 10 peratus.

"Kerajaan yakin DTN berupaya memastikan sektor tenaga negara sentiasa bersedia untuk menepati cabaran masa depan. Malah, sektor tenaga negara bakal membuka lembaran baharu selari pada peringkat dunia yang menyaksikan munculnya sektor-sektor baharu.

"Sektor baharu itu seperti mobiliti rendah karbon melalui penggunaan EV serta penjana dan penyimpanan sumber tenaga baharu seperti hidrogen dan tenaga berasaskan bio," katanya.

Bagi mencapai visi dan objektif DTN, beliau berkata, 12 strategi dan 31 pelan tindakan dikenal pasti berlandaskan empat teras strategik dan lima pemboleh daya untuk dilaksanakan bagi jangka pendek, sederhana dan panjang, selari pelaksanaan Rancangan Malaysia Lima Tahun.

Kerajaan, katanya, bersetuju

menubuhkan Majlis Tenaga Negara (MTN) bagi menerajui hala tuju peringkat tertinggi dalam membuat keputusan strategik berkaitan sektor tenaga kerana strategi dan pelan tindakan DTN merentasi pelbagai sektor dan pihak berkepentingan.

"Saya akan mengengerusikan Majlis Tenaga Negara ini bagi memastikan inisiatif DTN dilaksanakan secara berkesan oleh Kementerian dan agensi bertanggungjawab berdasarkan akauntabiliti dan peranan masing-masing," katanya.

Menurut Perdana Menteri, DTN adalah 'dokumen hidup' yang dikemas kini setiap tiga tahun dengan semakan dan pertimbangan dilakukan MTN, selari dengan kemajuan teknologi, tahap pencapaian sosioekonomi negara dan keseimbangan trilema tenaga semasa.

"Kerajaan kini menumpukan kepada pembangunan EV dengan menawarkan pelbagai insentif cukai.

"Kerajaan juga menubuhkan Pasukan Petugas EV untuk mem-

perincikan strategi sedia ada berkaitan pembangunan EV dan mempromosikan industri EV tempatan," katanya.

Beliau berkata, empat bidang menjadi fokus utama, iaitu meningkatkan penggunaan EV, membangunkan infrastruktur pengisian, membangunkan bakat dan menarik pelaburan, selain rangka kerja strategik dikenal pasti bagi menyokong pertumbuhan industri EV tempatan.

Bagi memacu pembangunan hidrogen, katanya, kerajaan sedang memuktamadkan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen, meliputi penggalakan penyertaan pemain industri, R&D termaju berorientasikan pasaran serta penggunaan produk dan teknologi berkaitan hidrogen.

"Kerajaan juga mengagih semula kuota Tenaga Boleh Baharu (TBB) sebanyak 1,200 megawatt bagi memacu penjana hidrogen hijau. Ketika ini, PETRONAS juga sedang bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam bidang hidrogen bagi penjana sumber ekonomi baharu," katanya.